

17/02/2001

8,000 dijangka hadir perhimpunan ICT di Stadium Putra Bukit Jalil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih 8,000 orang dijangka hadir pada Perhimpunan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) yang akan diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sini, esok.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, daripada jumlah itu kira-kira 1,000 peserta akan menggunakan lebih 1,000 komputer yang dilengkapi Internet, disediakan di stadium berkenaan.

"Pekerja yang mengambil bahagian dalam perhimpunan itu akan berpeluang menjalani pembelajaran secara terus, manakala yang lain mengikutinya melalui skrin besar.

"Setakat ini, persiapan bagi menjayakan program berkenaan berjalan lancar," katanya selepas meninjau persiapan yang dijalankan pekerja di stadium itu, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan perhimpunan itu.

Dr Abdul Latiff berkata, perhimpunan itu juga adalah bukti kepada pekerja bahawa mereka boleh memperolehi ilmu pengetahuan dan menjadi tenaga mahir dengan penggunaan komputer bagi memenuhi permintaan pekerjaan di sektor berkaitan ICT.

Katanya, perhimpunan itu mendapat kerjasama syarikat komputer di negara ini dan secara tidak langsung menjadi tarikan dan galakan kepada pekerja mengikuti kursus ICT untuk menjadi pekerja mahir serta berpengetahuan.

"Kita merancang memperluaskan perhimpunan itu ke peringkat negeri, termasuk Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak, supaya lebih ramai pekerja mendapat peluang mempelajari komputer yang digunakan secara meluas pada masa ini.

"Pelaksanaan program di peringkat negeri adalah dalam bentuk skala yang lebih kecil iaitu dengan memuatkan kira-kira 200 orang setiap sesi," katanya.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian ke tapak perhimpunan mendapati kakitangan Jabatan Tenaga Rakyat (JTR), bertungkus-lumus membuat persiapan akhir dengan mencuba peralatan komputer untuk sesi pembelajaran, esok.

Penolong Ketua Pengarah Unit Kawalan Teknikal JTR, Ghalip Spahat berkata, seramai 350 fasilitator dari pusat latihan JTR seluruh negara bertindak sebagai tenaga pengajar kepada 1,000 pelatih setiap sesi pembelajaran.

"Sesi pembelajaran dibahagikan kepada beberapa tajuk iaitu mengenal peralatan komputer, mencipta fail, sistem pemprosesan seperti Microsoft Word dan Excel, membina laman web, melayari Internet serta melakukan cetakan.

"Peserta terdiri daripada golongan cacat, anak yatim, mereka yang mewakili persatuan di sekolah serta ahli jawatankuasa kursus dibahagikan kepada 12 kumpulan," katanya.

Mengenai tempoh pembelajaran yang agak singkat jika dibandingkan dengan tajuk pembelajaran Ghalip berkata, tempoh satu jam mencukupi untuk sesi pembelajaran itu.

(END)